

25/11/1997

Artis berhimpun tanda sokong PM

Mokhtar Alias

GOLONGAN karyawan dan penggiat seni tanah air sepakat melafazkan taat setia dan menandatangani deklarasi bersama untuk menyokong kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Bagi tujuan itu, satu perhimpunan persatuan dan karyawan seni akan berlangsung di Dewan Tun Dr Ismail, Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur, pada Khamis ini, jam 3 petang.

Sebelum ini, perjumpaan itu dicadangkan berlangsung di Dataran Merdeka tetapi ia terpaksa dipindahkan kerana cuaca yang tidak menentu di ibu negara sejak kebelakangan ini.

Penganjur perhimpunan itu, Persatuan Penyanyi, Pemuzik & Penulis Lagu Tanah Air (Papita) berpendapat mereka perlu memberi sepenuh kepercayaan kepada Dr Mahathir dan mengutuk tindakan 34 ahli Kongres Amerika Syarikat yang mendesak Perdana Menteri meletak jawatan.

Sambil menyifatkan tindakan itu sebagai mencampuri hal ehwal dalam negara ini, Presiden Papita, A Rahman Hassan, berkata mereka tidak boleh berdiam diri apabila ada pihak yang cuba menggugat keharmonian negara ini.

"Kita bangkit untuk menyatakan rasa tidak puas hati dengan pihak luar yang mahu mencampuri urusan dalam negara ini.

"Maka, kami sepakat untuk melafazkan taat setia dan menyokong kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya ketika dihubungi semalam.

Mesyuarat pertama jawatankuasa bertindak perhimpunan itu diadakan di ibu negara, Sabtu lalu.

Rahman yang juga pengerusi jawatankuasa perhimpunan itu berkata, setakat ini sebanyak 15 persatuan sudah mengesahkan untuk menandatangani deklarasi itu.

Persatuan terbabit ialah Gabungan Penulis Nasional (Gapena), Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWM), Majlis Muzik Malaysia (MMM), Persatuan Pertunjukan Hiburan Secara Langsung Malaysia (Malep), Kesatuan Pemuzik Malaysia (MUM), Persatuan Industri Rakaman Malaysia (RIM), Persatuan Akademi Industri Muzik Malaysia (PAIMM), Gabungan Karyawan Filem Malaysia (Gafim), Seniman, Persatuan Sutradara Malaysia (FDAM), Persatuan Pekerja Filem Malaysia, Persatuan Syarikat Post Produksi dan Animasi Malaysia, Majlis Teater Malaysia (Tema) serta Papita sendiri.

Beliau sendiri akan membaca deklarasi itu, sebelum semua presiden persatuan menandatangani deklarasi itu, disaksikan kalangan artis, penyanyi dan karyawan seni tanah air.

Menurut Rahman, deklarasi itu akan disampaikan kepada Perdana Menteri sebagai tanda sokongan tidak berbelah bagi kepada beliau untuk memimpin negara dalam suasana kekacauan ekonomi seluruh dunia ketika ini.

Pihak Papita sedang mengaturkan pertemuan itu sebaik Perdana Menteri pulang daripada menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) di Vancouver, Kanada.

Sekalipun ringgit negara meredum kesan kegawatan berkenaan, katanya, golongan karyawan menaruh harapan dan kepercayaan tinggi kepada Perdana Menteri untuk menyelesaikan masalah ekonomi negara.

"Kita yakin penuh Perdana Menteri mampu menangani permasalahan yang sedang melanda negara tanpa campur tangan pihak luar," katanya.

Rahman berkata, pihaknya masih membuka peluang dan mengalu-alukan persatuan lain untuk menyertai perhimpunan serta menandatangani deklarasi itu.

Bagaimanapun, katanya, mereka perlu segera menghubungi Papita untuk membolehkan nama persatuan itu dicatatkan dalam deklarasi bersama itu.  
(END)